

**Bidang pembentukan prasarana RM26 bilion berpotensi untuk diterokai**

Oleh Sofyan Rizal Ishak  
sofyani.rizal@mediapri-  
ma.com.my  
**Kuala Lumpur**

Pertumbuhan positif struktur kewangan rantau Asia Tenggara dijangka terus memberi kelebihan kepada pasaran bon serantau melalui satu bidang berpotensi untuk diteroka dan mendapat permintaan ramai iaitu pembentukan infrastruktur yang dianggarkan bernilai RM26 triliun menjelang dekad akan datang.

Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Muhammad Ibrahim berkata pasaran bon ASEAN boleh memainkan peranan besar dalam merapatkan keperluan pembentukan jangka panjang memandangkan kebanyakannya ekonomi serantau adalah bank yang bersantung kepada pembentukan terbabit.

"Sumber dana baru ini bukan saja menjadikan ekonomi lebih baik, malah ia mengurangkan risiko kebergantungan terhadap sektor

**FAKTA**  
Pasaran pendapatan tetap ASEAN sudah berkembang melebihi enam kali ganda sejak 2000

# Peluang besar pasaran bon serantau



MUHAMMAD (tengah) menyampaikan cenderahati kepada Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Investment Bank Berhad John Chong sambil diperhatikan Ooi pada Persidangan Pendapatan Tetap ASEAN (Afis 2014).

perbankan untuk kewangan jangka panjang," katanya dalam ucaptama sempena Persidangan Pendapatan Tetap ASEAN (Afis 2014) di sini, semalam.

Acara yang dianjurkan Cagamas Berhad dengan kerjasama BNM, Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia ACI dan Persatuan Perbadanan Korporat Malaysia

(MACT) itu turut dihadiri Pengerusi Cagamas Berhad, Datuk Ooi Sang Kuang.

Pasaran pendapatan tetap ASEAN sudah berkembang melebihi enam kali ganda sejak 2000 dan kini bernilai RM3.6 triliun manakala saiz bagi pasaran bon mata wang tempatan ASEAN kini lima kali lebih besar daripada jumlah bon denominasi USD

yang diterbitkan oleh entiti ASEAN.

Kadar pertumbuhan tahunan dikompaunkan dalam penerbitan bon mata wang tempatan ASEAN berada pada tahap 12.9 peratus sejak 2003 manakala pasaran individu serantau mengalami kadar pertumbuhan antara 5.3 peratus kepada 42.2 peratus.

Beliau berkata, hubungan kewangan antara pasaran pendapatan tetap ASEAN dan pelaburan antara rantau dilihat masih kecil apabila lebih 90 peratus daripada aliran porfolio pelaburan merentasi sempadan masih kekal dengan negara ekonomi maju di luar Asia.

"Negara mengambil langkah untuk membangunkan pasaran bagi kemudahan aktiviti pelaburan merentasi sempadan seperti meliberalisasikan peraturan pentadbiran pertukaran mata wang asing bagi membolehkan pelabur tempatan melabur di luar negara dan pelabur asing melabur dalam aset Ringgit," katanya.

Dalam perkembangan sama, Ooi berkata, negara memiliki prospek pertumbuhan pasaran bon yang besar kerana pada masa ini ia hanya menyumbang 20 peratus kepada kewangan keseluruhan di negara ini manakala kewangan perbankan adalah 80 peratus.

"Peratusan ini dijangka berkembang daripada masa ke masa memandangkan pasaran bon berasa Eropah menyumbang 40 hingga 50 peratus kepada jumlah pembentukan ekonomi," katanya.